

PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH DAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
SATU KAJIAN PERBANDINGAN

WAN SITI ADIBAH BINTI WAN DAHALAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1991

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuai nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

30 hb Mac 1991

Wan Siti Adibah
Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas limpah kurnia, taufik dan hidayahNya dapat juga saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dirakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Ustaz Abdul Monir Yaacob. Selaku penyelia yang banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehingga dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Seterusnya juga ucapan terima kasih saya kepada nama-nama berikut yang telah sudi memberikan kerjasama:-

- 1) Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali, D.T.N.S.,
Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitilawan, Undang
Luak Jeloh ke XIII.
- 2) Dewan Keadilan dan Undang, Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri Sembilan.
- 3) Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Wisma UMNO,
Negeri Sembilan.
- 4) Professor Dr. Wan Rafei bin Hj. Wan Abd. Rahman,
Professor Madya Dr Siti Maimon binti Hj. Kamso,
Dekan Pengajian Siswazah, U.K.M.

- 5) Ustaz Mohd. Nasir bin Nordin, Mahkamah Tinggi Syariah, Negeri Sembilan
- 6) Azidah binti Hj. Abd. Aziz, Kamarudin dan Partners, Peguambela dan Peguamcara, Shah Alam, Selangor.
- 7) Ustaz Mohd. Radzi b. Muhiddin

Tidak lupa buat Ayah, Emak, Along dan keluarga, Abang, Bangdik dan Avom yang tidak putus-putus, memberikan semangat dan dorongan kepada diri ini.

Akhir sekali segala pertolongan yang berbentuk secara langsung dan tidak langsung ini hanya Allah yang membalasnya dan semoga ia mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. Amin.

Ikhlas Daripada,

Wan Siti Adibah binti Wan Dahalan,

Lot 6726, Taman Bukit,

Lorong Titiwangsa 12,

Ampang, 70400, Seremban.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini telah dibahagikan kepada empat bab. Sebelum mengemukakan bab pertama hingga ke empat ianya dimulakan dengan Bidang Kajian yang menerangkan mengenai tujuan, bidang dan cara kajian serta masalah yang dihadapi semasa membuat kajian. Bab pertama membicarakan tentang pengenalan mengenai Adat Perpatih. Bab kedua pula menerangkan konsep perkahwinan secara Islam dan Adat Perpatih. Bab ketiga pula menghuraikan langkah awal di dalam perkahwinan iaitu dari merisik hinggalah ke peringkat tunangan mengikut Adat Perpatih dan cara Islam. Manakala di dalam Bab keempat pula dibentangkan perkahwinan menurut Adat Perpatih dan Islam yang mana tumpuan di buat dari peringkat persediaan sehinggalah majlis tersebut selesai. Akhirnya di bahagian penutup dihuraikan beberapa pandangan dan ulasan mengenai Adat Perpatih dan perkahwinan menurut Islam di dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan masa kini.

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	ix
JUDUL TRANSITERASI	x
BIDANG KAJIAN	xii
AREA OF RESEARCH	xv
 I	
Pengenalan Mengenai Adat Perpatih	
1.1 Asal usul Adat Perpatih	1
1.2 Pengertian Adat	2
1.3 Bahagian-bahagian Adat	4
1.4 Secara Johol secara ringkas	6
1.5 Sistem Pentadbiran Adat	9
1.6 Suku	24
 II	
Perkahwinan	
Perkahwinan Menurut Undang-Undang Islam	
2.1 Definisi Perkahwinan	29
2.2 Konsep Perkahwinan	32
2.3 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	38

KANDUNGAN

BAB

2.4 Hukum Perkahwinan	45
PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH	
2.5 Definasi Perkahwinan	51
2.6 Konsep Perkahwinan	52
2.7 Jenis-jenis Perkahwinan	58
2.8 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan	64
2.9 Perbandingan	65
III PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ADAT PERPATIH	73
3.1 Merisik	73
3.2 Pinangan dan pertunangan	78
PRELIMINARI PERKAHWINAN MENURUT ISLAM	82
3.3 Meminang	85
a. Melihat Pinangan	85
b. Mengenal Sifat-sifatnya	88
c. Istikharah	89
d. Perkahwinan Hendaklah Diumumkan dan Pinangan Hendaklah Dirahsiakan.	91
3.4 Bertunang	92
3.5 Putus Tunang	94
3.6 Perbandingan	95

KANDUNGAN

BAB

3.7 Kes Putus Tunang	98
IV PERLAKSANAAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN	
MENURUT ADAT PERPATIH DAN ISLAM	102
4.1 Persiapan Menjelang Perkahwinan	102
a. Hari Berkenak atau Memasang adat	105
b. Istiadat Menggantug-gantung	
Sebelum Hari Berlangsung	106
c. Istiadat Menjemput	106
d. Istiadat Berandam	107
e. Istiadat Mengisi Adat	109
4.2 Istiadat Akad Nikah	110
a. Istiadat Berjulang Arak	112
b. Istiadat Bersanding dan Berinal	112
4.3 Di Hari Langsung	113
a. Istiadat Persandingan	114
b. Istiadat Suap-suap	115
c. Istiadat Padam Lilin	116
d. Istiadat Pangkasan	116
e. Istiadat Menyembah	116
f. Istiadat Makan Damai	117
g. Istiadat Mandi-mandian	117
4.4 Hari Menyalang	118

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
4.5 Perbandingan	119
4.6 Penutup	127
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	
A. Peta Negeri Sembilan	132
B. Adat (Mas Kahwin di Luak Ulu Muar)	133
C. Pepauh Bertunang Lanang	137
D. Saman Bagi Pasangan Yang Ditangkap Berkhalwat	139
E. Contoh Jemputan Kahwin	140
F. Lafaz Ikrar Orang Semenda	141

SENARAI SINGKATAN

b. - bin	ibld. - di tempat yang sama
bt. - binti	jil. - jilid
bhg. - bahagian	kg. - kampung
bil. - bilangan	r.a. - radiallahu ^c anhu
cet. - cetakan	s.a.w. - salallahu ^c alaihi wasallam
ed. - edisi	s.w.t - subhanahu wa ta ala
hb. - haribulan	t.pt. - tiada penerbit
hj. - haji	t. th - tiada tarikh
hjh. - hajjah	t.tp - tiada tempat
nlm. - halaman	trj. - terjemahan

JUDUL TRANSITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>
ا	a	د	d
ب	b	ت	t
ج	j	ز	z
ح	h	ع	c
خ	kh	غ	gh
د	d	ف	f
ذ	dh	ق	q
ر	r	ك	k
ز	z	ل	l
س	s	م	m
ش	sy	ن	n
ص	s	ه	h
		و	w
		ي	y

Vokal Pendek

a

i

u

Vokal Panjang

a i

i

u

Diftong

ay

aw

BIDANG KAJIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Tujuan kertas projek ini dibuat adalah untuk memberikan satu gambaran mengenai adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih di Negeri Sembilan bermula dari peringkat awal iaitu merisik hinggalah ke peringkat yang paling akhir iaitu pada hari bertandang. Di samping itu dibuat satu penilaian mengikut pandangan dari sudut Islam.

Di dalam kajian ini juga akan memberi kefahaman kepada masyarakat umum mengenai amalan adat perkahwinan yang dibuat secara adat perpatih. Hasil dari kajian juga dapat dinilai sama ada adat perkahwinan yang dibuat itu selaras dengan ajaran Islam. Pengkajian pokok terhadap kajian ini akan dihuraiakan di dalam kertas projek yang seterusnya.

Kajian projek ini diambil dari kawasan Kuala Pilah yang mana tempat tersebut adalah salah satu tempat yang terkenal di dalam adat perpatih. Di situ juga terletak kawasan Sri Menanti yang mana hanya adalah tempat bersemayan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan. Selain tempat itu kawasan

bandar Seremban juga termasuk di dalam skop kajian ini.

Di dalam usaha-usaha penyediaan projek ini, banyak mengambil kira pandangan mereka-mereka yang mahir mengenai adat bermula dari Buapak-buapak (Ketua keluarga), Dato' Lembaga hingga kepada Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol. Kesemuanya telah memberikan bantuan kerjasama yang tidak terhingga kepada saya. Di samping menemuramah mereka ini, saya juga berkesempatan untuk bertemu dengan Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan di samping menganalisa buku-buku, majalah-majalah dan akhbar tempatan untuk dijadikan bahan rujukan. Selain daripada itu kehadiran saya di dalam majlis kenduri perkahwinan adat perpatih turut dijadikan asas untuk menyalapkan kertas projek ini.

Dalam penyediaan projek ini, saya juga menghadapi masalah-masalah terutamanya masa yang diperuntukkan untuk bertemu janji, mengkaji buku-buku, majalah dan akhbar kerang masanya adalah terhad. Untuk membuat temu-janji dan perjalanan yang jauh dari Universiti Kebangsaan Malaysia turut memakan masa dan kos perbelanjaan yang tinggi. Selain daripada temu-ramah, sumber-sumber maklumat juga diperolehi di perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia,

Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Seremban, Dewan Keadilan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Penyelidik Budaya Negeri Sembilan untuk menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali dengan terbentangnya kajian ini akan memberi penjelasan yang lebih jelas lagi mengenai Adat Perpatih khasnya mengenai perkahwinan di Negeri Sembilan. Dan adalah diharapkan kajian ini akan memberi sumbangan kepada pengkaji-pengkaji adat perpatih di Negeri Sembilan, khususnya mengenai adat perkahwinan yang dijalankan berbanding dengan ajaran Islam.

Sekian, Wassalam.

Area Of Research

The purpose of this project is to give a picture on the marriage culture of "Adat Perpatih" in Negeri Sembilan beginning from the earlier stage of "merisik" to the last which is "bertandang". Apart from that, an evaluation is also done from the view of Islam.

From this research, the public can also understand how a marriage is carried out in the Adat Perpatih way. The result of this research also shows whether it is in line the teachings of Islam. The main point will be highlighted in this report.

The research is carried out in the area of Kuala Pilah which still follow the Adat Perpatih. Located at the area is the Sri Menanti which is where Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan stays. Apart from that, the scope of the also covers the area of Seremban.

In the process of conducting the research, views from various people familiar with the Adat is taken into consideration. From the Buapak Dato' Lembaga to Yang Teramat Mulia Dato' Abdul b. Ali D.T.N.S. Dato' Johan

Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Undang Luak Johol, their views on the particular subject is very essential. Apart from getting information from books, magazines and newspaper, discussions were also held with the Setiausaha Dewan Keadilan Negeri Sembilan. Also, my attendance in the actual marriage occasions (the Adat Perpatih way) helps a lot in the research.

In doing the research, I faced various problems especially in getting appointments and the limitations in reference books on the subject. To go for an appointment, I will have to travel quite a distance. References from various institutions like Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dewan Keadilan and Penyelidik Budaya Negeri Sembilan is used in the project paper.

Lastly, the presentation of this research will provide a clearer view on the subject Adat Perpatih especially on the marriage matter. I hope that this report will be a great help to those who will be doing research on the particular subject.

Sekian, Wassalam.

Bab 2

PERKAHWINAN (UNDANG-UNDANG ISLAM)

Perkahwinan atau nikah ialah suatu perkara yang mustahak dan tidak asing lagi bagi seluruh manusia. Perkahwinan adalah salah satu rahmat Allah di mana Allah menjadikan dunia ini berpasang-pasangan, ada langit dan bumi, ada matahari dan bulan, ada lelaki dan wanita dan seterusnya. Kebenaran kenyataan ini dapat dilihat menerusi firman Allah :

تَسْمِيْنُ الَّذِي خَلَقَ الْاَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْاَرْضُ وَمِنْ
اَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُوْنَ

Maksudnya :

"Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya, berpasangan sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi atau dari diri mereka ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahui."

1

Islam sangat menggalakkan perkahwinan. Galakan untuk berkahwin ini dapat dilihat dari hadis Rasulullah s.a.w. dari Said bin Abu Waqqas r.a.

عن سعد بن أبي وقاص قال رد رسول الله صلى الله عليه وسلم
على عثمان بن مظعون التبتل ولو أذن له لا خفينا

Maksudnya :

"Rasulullah s.a.w. menolak permintaan Usman bin Madh'un untuk tidak kahwin buat selamanya. Kalau beliau mengizinkannya, tentu kami akan melakukan pengebirian."

1

Perkahwinan merupakan penyempurnaan pergaulan keluarga dan masyarakat. Pencampuran di antara lelaki dan wanita di luar perkahwinan dinamakan berzina. Perbuatan zina itu memang tidak dapat dinafikan membawa banyak keburukan dan diakui oleh undang-undang dunia dan undang-undang agama. Hanya dengan melalui perkahwinan yang sah akan dapat mengatur dan menjamin kehidupan yang sempurna bagi rumahtangga dan masyarakat. Dengan perantaraan perkahwinan yang dibenarkan oleh Agama Islam, dapatlah lelaki memperisterikan wanita dan sekaligus menjadi teman hidup penolong dalam waktu susah dan senang. Dari Abi Umariah dari Nabi Mohammad s.a.w. sabdanya :

1

ما استفاد المؤمن بعد تقوى الله عز وجل خيرا له من
زوجة صالحة إن أمرها اطاعته وإن نظر إليها سرته وإن
اقسم عليها ابرته وإن غاب عنها صحت في نفسها وماله

Maksudnya:

"Bagi seorang mukmin, sesudah bertaqwa kepada Allah, tidak ada barang lain yang terbaik, selain isteri yang saleh, apabila diperintahkan taat, apabila dilihat menyenangkan, apabila diberi janji diterimanya dan apabila ditinggal pergi dijaganya dirinya dan harta suaminya dengan baik. (HR Ibn Majah)

1.

Perhubungan suami isteri itu terlalu rapat. Firman

Allah:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

Maksudnya:

"Mereka pakaian bagi kamu dan kamu pakaian bagi mereka."

2

2.1 Definisi Perkahwinan

Definisi perkahvinan mengandungi berbagai-bagai pengertian. Ramai ahli pengkaji dan ahli fiqh Islam telah memberikan pengertian yang berbeza tentang perkataan perkahvinan. Keadaan ini timbul adalah kerana

1

Salyid Sabiq, Fikih Sunnah, Edisi pertama (Kuala Lumpur : Victory Agencie, 1990), hlm. 12.

2

al-Qur'an, surah al-Baqarah, 2 : 187

mereka memandang dari sudut yang berbeza. Secara amnya perkahwinan boleh ditakrifkan dari 2 aspek iaitu dari segi bahasa dan istilah syarak. Dari segi bahasa, kahwin adalah berkumpul dan berhimpun. Terdapat perkataan lain yang mengtakrifkannya sebagai ikatan suatu benda dengan benda yang lain, kemudian bentuknya menjadi suami isteri apabila keduanya berhubung rapat antara satu sama lain.¹

Menurut istilah fiqah, perkahwinan dipakai dengan perkataan Nikah dan Zawaj. Nikah dari segi bahasa bererti dham (ضم) dan wati (واطي), dan menurut makna syari, para ulamak telah berselisih pendapat kepada 3 fahaman. Pertama ianya hakikat pada wati, imajaz pada 'akad, kedua hakikat pada 'akad majaz pada wati, ketiga ianya mustahak lafzi di antara 'akad dan wati.

Adapun makna nikah menurut makna fikahnya, maka telah berselisih padanya ibarat pada fuqaha'. Walau bagaimanapun semuanya itu kembali kepada satu makna iaitu bahawa akad nikah diadakan atau ditentukan oleh syara' bagi menghasilkan اشفاع² suami isteri dan segi mendapatkan keseronokan.

¹ Zakiyuddin Sha'ban, al-Ahkam al-Shar'iyah li al-Ahwa al-Shakhsiyyah, edisi kedua (Libya : Mansurat al-Jami'ah al-Libiyah, 1971), hlm. 49.

² Norpisah Mohd Nor, "Istiadat perkahwinan dalam adat perpatih Negeri Sembilan," : (Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1985), hlm.36

Sharbini mengatakan bahawa perkahvinan itu ialah 'akad yang menjamin keharusan persetubuhan dengan lafaz "inkah" atau "Tazauwij" atau terjemahannya.¹

Manakala Shafi'iah mengtakrifkan perkahvinan sebagai satu 'akad itu menggunakan perkataan nikah atau tazwij atau yang sempurna dengan kedua-duanya seperti kahwin, dan yang dimaksudkan ialah hasil dari 'akad itu, maka bolehlah suami memperolehi manfaat untuk bersedap-sedapan atau berlazat-lazatan. Sebahagiannya lagi berpendapat bahawa perkahvinan itu sebagai satu 'akad atau persetujuan yang diucapkan dengan lafaz nikah ataupun ijab dan kabul untuk keharusan bersetubuh dan memperolehi kenikmatan perkahvinan.²

Sulaiman Rasyid mengtakrifkan perkahvinan sebagai akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak dan kewajiban serta bertolong-tolongan antara seorang lelaki dan seorang wanita yang antara keduanya bukan muhrim. Syeikh Muhammad Qassim al-Ghazi menta'rifkan nikah sebagai al-dham dan al-wati' suatu akad yang termasuk di

¹ al-Sharbini al-Khatib, Mughl al-Muhtaj, Juzu'3 (Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958), hlm. 122.

² Abd. Rahman al-Jaziri, Kitab al-Fiqh ala al-Madhadib al-Arba'ah, Juzu'4 (Misr : al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1969)

³ Sulaiman Rasyid, Fiqh Islam, cetakan 17 (Jakarta : Atthariyyah, 1976), hlm 355.

dalamnya rukun dan syarat-syarat nikah.¹

Menurut Muhammad Husin al-Zahabi perkahwinan itu sebagai akad yang menghalalkan berseronok suami isteri antara satu sama lain sebagaimana yang disyara'kan.

Dari huraian definasi di atas ternyata bahawa para fuqaha telah melihat dari sudut yang berbeza dalam memberi pengertian perkahwinan. Namun begitu perbezaan itu mempunyai maksud dan tujuan yang sama iaitu sebagai salah satu daripada keperluan jasmani dan rohani yang telah diwujudkan oleh Allah untuk keadaan bangsa manusia dengan sebaik-baik kejadian. Kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa setiap perkahwinan itu mestilah menerusi akad yang sah di sisi syara' mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat yang tertentu.

2.2 Konsep Perkahwinan

Perkahwinan merupakan suatu peraturan Allah yang dilakui kebalkannya oleh setiap manusia yang mempunyai dan mementingkan kesopanan dalam kehidupan. Agama Islam adalah agama yang memberikan bimbingan hidup kepada

¹ Sheikh Muhammad Qassim al Ghazi, Fathc al-Qarib, al-Mujib, (Singapura, Taba bi Mattabi Sulaiman Mari, t. tahun), hlm. 43.

umatnya dalam segala bidang termasuklah bimbingan dan aturan dalam menegakkan rumahtangga. Perkara ini penting demi membentuk anak-anak yang bakal menjadi teras bangsa. Justeru itu pergaulan di antara masyarakat akan berjalan menurut sepertimana yang Allah S.W.T. telah tetapkan.

Konsep utama perkahwinan ialah membentuk satu keluarga yang mengikut kehendak tabi'i manusia. Pembentukan keluarga dari perkahwinan yang sah antara lelaki dan wanita akan menghalalkan hidup bersama di dalam sebuah keluarga di sisi agama dan masyarakat pula tidak mencuriga terhadap perhubungan mereka. Dari rasa keamanan itu akan lahirilah rasa kebahagiaan hidup yang sebenarnya.

Firman Allah Ta'ala

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan"

1

Perjanjian yang digunakan Allah untuk mengikat dua orang suami isteri itu ditegakkan atas dasar saling mengerti, saling mencintai, saling kasih sayang, memelihara kesucian masing-masing, hormat-menghormati, tolong-menolong dan menjaga keselamatan bersama. Begitulah perkahwinan yang mempunyai nilai kemanusiaan, perkahwinan yang sihat, baik dilihat dari segi individu mahupun dari segi kemasyarakatan.

Bentuk perkahwinan ini yang menjamin kemantapan dan ketenteraman jiwa, sama ada dilihat dari segi individu dan dari segi kemasyarakatan, perkahwinan seperti itu merupakan kewajiban sosial. Dilihat dari segi kedua-duanya (individu dan sosial) perkahwinan yang sihat itu merupakan jalan ke arah terbinanya kasih sayang antara suami dan isteri. Hubungan suami isteri serupa itu adalah penting kerana ia menjamin kebahagiaan antara satu sama lain yang terjamin dari rasa cinta, kasih serta berpadu hati dan perasaan.

Ditinjau dari sudut itu maka perkahwinan adalah berfungsi untuk mendidik jiwa manusia, meneguhkan rasa kasih sayang, meningkatkan keluhuran budi dan melembutkan perasaan dua manusia yang berlainan jenis kelaminannya, berlainan perasaan dan berlainan kesanggupannya, atas dasar kecintaan dan keramahannya.

membuat penerangan mengenai 3 tujuan pokok kehidupan suami isteri iaitu, pertama, ketenangan jiwa dan naluri seksual yang mempersatukan dua orang suami isteri sehingga kedua-duanya merupakan kesatuan bagaikan air dan udara. Kedua, kasih sayang yang ada pada kedua orang suami isteri itu meluas hingga meliputi keluarga masing-masing. Dengan demikian maka rasa kecintaan dan saling bantu-membantu menyalar mulai kerabat yang terdekat sampai kerabat yang agak jauh. Ketiga, dengan lahirnya anak-anak lebih menyempurnakan kasih sayang dua orang suami isteri itu, yang kemudian akan memperluaskan keturunan maka wujudlah saling cinta-mencintai antara satu sama lain.¹

Sesungguhnya perkahwinan itu merupakan salah satu di antara tanda-tanda kebesaran Allah terhadap manusia.

Firman Allah :

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

"Dan segala sesuatu kami jadikan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat kebesaran Allah."

2

¹ Muhammad Ali Quthb, Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam, Edisi ketiga (Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid 1990), hlm. 23.

²

al-Qur'an, surah adz-Dzaariyaat, 51:49

Di samping itu melalui perkahwinan dapat menjaga dan memelihara wanita yang dilahirkan lemah itu daripada kebinasaan. Apabila seseorang wanita itu berkahwin, maka nafkah dan perlindungan dirinya akan menjadi tanggungjawab suaminya. Perkahwinan bukan sekadar menghubungkan perkongsian hidup antara lelaki dan wanita malah lebih daripada itu. Manusia ditugaskan menjaga "amanah" supaya mengekalkan perhubungan silatulahim serta perasaan kasih mesra antara manusia. Oleh itu untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini semasa perkahwinan seperti perselisihan yang membawa kepada penceraian, Islam telah meletakkan beberapa kaedah yang tetap dan prinsip-prinsip yang betul. Islam menuntut kepada semua muslimin supaya memperhatikan kaedah dan prinsip-prinsip tersebut, demi pembangunan keluarga muslim yang sejati.

Sabda Rasulullah S.A.W.;

تنكح المرأة لأربع: لمالها ولحسبها ولجمالها ولدينها
فاظفر بذات الدين تربت يداك

Maksudnya:

"Seseorang perempuan itu dinikahkan kerana 4 perkara iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka carilah perempuan yang beragama, ia akan subur di tanganmu (membawa kebahagiaan di sisi kamu).

1

Islam ialah agama yang menjunjung tinggi etika dan nilai-nilai moral. Islam mewajibkan umatnya supaya dalam perkahwinan mengutamakan calon isteri yang beragama, berbudi luhur, indah perilaku dan baik akhlakunya. Seorang wanita yang mempunyai keindahan tersebut berarti ia telah mempunyai keindahan yang sejati.

Melalui ikatan perkahwinan, sepasang suami isteri dapat hidup bersama secara sah di sisi syariat Islam. Seterusnya dari perhubungan itu dapat berkembang baik di bumi Allah dengan ketentuan hukum dan syariat yang telah diturunkan sebagai pedoman hidup seluruh umat manusia di muka bumi ini.

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya:

"Wahai manusia bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan kepadanya Allah telah mencipta isterinya. Dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang ramai."

1

Islam merupakan satu agama yang lengkap. Perhubungan di antara lelaki dan perempuan diatur secara terhormat dan berdasarkan kepada saling redha-meredhal, upacara ijab dan kabul sebagai lambang kerelaan dan persetujuan daripada kedua pihak dan disaksikan oleh dua orang saksi dan para jemputan. Apabila sistem dan syariat Allah telah lengkap dipenuhi maka pasangan yang berkahwin seterusnya akan melahirkan satu bentuk bangsa yang mulia dan berakhlak tinggi.

2.3 Hikmat dan tujuan perkahwinan

Setiap perkara yang dianjurkan dalam Islam mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri. Begitu juga syariat Islam yang mempersyariatkan perkahwinan dengan tujuan-tujuan tertentu. Antara hikmat dan tujuan perkahwinan ialah:

1. Perkahwinan dapat mengikat kasih sayang antara suami isteri yang bakal membentuk keluarga dan seterusnya masyarakat Islam yang teguh serta aman damai.

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۚ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

Maksudnya:

"Wahai manusia bertaqvalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan kepadanya Allah menciptakan isterinya dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqvalah kepada Allah yang dengan namaNya kami saling meminta kepada satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silatulahim. Sesungguhnya Allah telah menjaga dan mengawasi kamu."

1

Ayat di atas menerangkan bahawa perkahvinan adalah perkara yang menjadi keharusan bagi manusia untuk memelihara keturunan manusia dan melahirkan ketenangan jiwa.

2. Melanjutkan zuriat manusia yang bakal membentuk umat Islam.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

تزوجوا الولود الودود فإني مكاثركم الأهم
يوم القيامة .

Maksudnya :

"Kahwinlah olehmu wanita pencinta dan

peramah, maka sesungguhnya aku bermegah dengan banyaknya kamu itu supaya Islam mempunyai umat yang ramai di hari qiamat kelak.

1

Allah juga telah memberi jaminan rezeki kepada setiap zuriat yang dilahirkan.

Firman Allah :

وَاللّٰهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ

Maksudnya :

"Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan menjadikan bagi kamu dari isteri-isteri kamu itu anak-anak dan cucu-cucu dan memberi kamu rezeki dari yang baik-baik."

2

3. Perkahwinan juga merupakan sebahagian dari ibadat kepada Allah. Islam memandang setiap amal perbuatan yang dilakukan oleh seseorang demi keridhaan Allah s.w.t. adalah ibadah dan mendapat pahala. Bahkan setiap suapan nasi yang diberikan suami kepada isterinya dengan rela, ikhlas dan senang hati memperolehi balasan pahala, sebagaimana Hadis

1

Abu al-Fadhl Ahmad b. Hajar al-Asqalani, Bulugh al-Muram min Adillati al-Ahkam (Beirut : Dar al-Kitab al Arabi 1933), hlm. 178.

2

al-Qur'an, surah An-Nahl, 16:72

Rasulullah s.a.v. yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin
Abi Waqqah r.a.

وإنك لن تنفق نفقة تبتغي بها وجه الله إلا أجرت
عليها حتى ما تجعل في - إى فم - إمرأتك .

Maksudnya :

"Nafkah apapun yang engkau berikan
dengan harapan memperoleh keridhaan
Allah, pasti engkau akan mendapat
pahalanya, bahkan apa saja yang engkau
suapkan ke mulut isterimu."

1

Adalah tidak wajar dikatakan perkahwinan itu sebagai
penghalang untuk beribadat dengan Allah.

Sabda Rasulullah s.a.v

عن أنس أن نفرا من أصحاب النبي صلعم سألوا أزواج
النبي صلعم عن عمله في السر فقال بعضهم لا أتزوج النساء
وقال بعضهم لا أكمل اللحم وقال بعضهم لا أنام على فراش
محمّد الله وأثنى عليه وقال ما بال أقوام قالوا كذا وكذا لكني
أصلي وأنام وأصوم وأفطر وأتزوج النساء فمن رغب
عن سنتي فليس مني .

Dari Anas r.a. katanya :

"Bahawa beberapa orang dari sahabat

Nabi S.A.W. menanyakan dengan rahsia kepada isteri-isteri nabi tentang amal Nabi (ibadat). Kemudian di antara sahabat itu ada yang menyatakan "Saya tidak akan mengahvini perempuan". Yang lain menyatakan "Saya tidak akan memakan daging". Yang lain menyatakan "Saya tidak akan tidur atas tikar". (Setelah diberitahu kepada Nabi S.A.W.) Sesudah baginda memuji Allah dan menyanjunginya, baginda mengucapkan, "Mengapa ada beberapa orang yang menyatakan begini begini. Tetapi aku sembahyang dan tidur, puasa dan berbuka dan mengahvini perempuan. Sebab itu siapa yang tidak menyukai sunahku (aturanku) maka orang itu tidak termasuk golonganku".

1

Sabda Rasulullah s.a.v. lagi,

إذا تزوج العبد فقد استكمل نصف الدين فليتن
الله في النصف الثاني

Maksudnya:

"Barang siapa yang telah berkahwin maka ia telah memelihara setengah bahagian dari agamanya, maka hendaklah ia takut kepada Allah dalam bahagian yang lain."

2

4. Membendung hawa nafsu dari godaan syaitan dan memenuhi keperluan tabiat semulajadi manusia secara halal. Hawa nafsu yang didorong oleh syaitan akan membawa manusia ke arah kebinasaan. Justeru itu hawa nafsu dapat dikawal malah, penglihatan dan keinginan

1

Fachruddin HS, hlm. 150-151.

2

Muhammad Ali Quthb, hlm. 67.

boleh diisi dengan sesuatu yang Allah halalkan menerusi perkahwinan.

Sabda Rasulullah s.a.w.

يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج
فانه أغض للبصر وأحصر للفرج، ومن لم يستطع
فعلية بالصوم فانه له وجاء.

Maksudnya:

"Wahai para pemuda, sesiapa di antara kamu yang ada kemampuan hendaklah berkahwin kerana ia dapat memelihara penglihatan dan malu. Tetapi bagi sesiapa yang tidak mampu hendaklah berpuasa kerana dengannya dapat melemahkan nafsu."

1

Memang menjadi tabiat semula jadi di mana terdapat daya penarik antara lelaki dan perempuan. Dari sudut biologi, daya penarik ini disebabkan untuk memuaskan nafsu. Tetapi pada hakikatnya faktor yang lebih penting bukan sekadar untuk memuaskan nafsu sahaja malahan fungsi sosialnya juga harus diambilkira.

1

Imam Abi al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi, Mukhtasar Sahih Muslim, edisi kedua (Beirut : Dal al- Arabiyyah, 1972), hlm 207.

Firman Allah

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ
وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ
الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ

Maksudnya:

"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, yaitu: perempuan-perempuan, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang ternakan dan sawah ladang."

1

5. Menimbulkan sikap tanggungjawab seorang lelaki atau perempuan memasuki gerbang perkahwinan, sikap tanggungjawab terhadap keluarga akan timbul. Mereka akan berusaha demi untuk membiayai anak-anak dan mencuba sedaya upaya untuk memikul beban dan memenuhi kewajiban.

Kesimpulannya perkahwinan mempunyai hikmah yang terkandung di dalamnya. Dalam menjalani perkahwinan yang berdasarkan kepada syariat Allah, nescaya rumahtangga kaum muslim akan hidup dalam keadaan aman-damai, kasih mengasihi di mana akan membentuk sebuah masyarakat teguh dan berilmu.

عن جابر قال . قال رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا احكم عجبته
المرأة فرفعت في قلبه فليعمد إلى امرأته فليواقعها
فإن ذلك يرد ما في نفسه

Maksudnya :

Dari Jابر r.a. katanya,

Rasulullah s.a.w. bersabda "Apabila
seseorang tertarik hatinya kerana meli-
hat seorang perempuan dan perasaan itu
masuk ke dalam hatinya maka hendaklah
dia sengaja pulang kepada isterinya
kerana dengan itu terhalang nafsunya
(keinginannya kepada perempuan yang
dilihatnya tadi)."

1

2.4 Hukum Perkahwinan

Hukum asal perkahwinan adalah harus. Buktinya dapat
dilihat dari dalil-dalil yang menerangkan perkahwinan itu
adalah diharuskan:

Firman Allah :-

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً . إِنَّ فِي
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya :

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahwa Ia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang-orang yang berfikir."

1

Rasullullah s.a.w. juga menegaskan bahwa perkahwinan merupakan salah satu daripada sunnah para rasul.

Sabda Rasulullah s.a.w.

أَرْبَعٌ مِنْ سُنَنِ الْمُرْسَلِينَ: الْحَنَاءُ وَالتَّحْطُرُ وَالسَّوَاكُ
وَالنِّكَاحُ

Maksudnya:

"4 perkara antara sunnah para rasul ialah berinal, memakai wangian, bersuci dan berkahwin."

2

Firman Allah :-

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رِسَالًا مِنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا
وَذُرِيَّةً

1

al-Qur'an, surah.: Ar Ruum, 30:21

2

Abi Isa Muhammad b. Isa b. Saurah, al-Jami al-Sahih Sunan al-Tarmizi, juzu'3, ed. pertama (Miqat : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1937), hlm 391.

• Maksudnya :

"Dan sesungguhnya kami telah mengutus beberapa orang rasul sebelum kamu dan kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan keturunannya."

1

Walau bagaimanapun seseorang tidak berdosa jika sekiranya tidak berkahwin kerana hukum asal perkahwinan adalah harus. Tetapi keharusan hukum ini akan berubah kepada hukum-hukum yang lain mengikut keadaan-keadaan tertentu.

1) Sunat

Bagi seorang yang berkehendakkan dan berkemampuan² untuk menanggung nafkah dan lain-lainnya. Di samping tidak melakukan kezaliman terhadap isterinya. Jikalau tidak berkahwin pun, ia tidak terlibat dengan perbuatan-perbuatan³ maksiat. Adalah tidak menjadi kesalahan jika ia tidak berkahwin tetapi akan mendapat pahala jika ia berkahwin.

ii) Wajib

1

al-Qur'an, surah al-RA'D, 13:38

2

Drs. H. Mohamad rifai, Ilmu Fiqh Islam Lengkap, edisi keempat (Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd., 1988), hlm. 417.

3

Ahmad Mustafa Shimal al-Husaini, al-Ahwal al-Shakhsiyyah (Qahirah: t. pt., 1969), hlm. 27-28.

Hukumnya wajib bagi seseorang yang kelinginan dan mempunyai kemampuan untuk berkahwin serta tidak melakukan kezaliman kepada isterinya. Sekiranya ia tidak berkahwin dikhuatiri akan terjerumus ke lembah perzinaan.

Bagi seseorang yang berkeinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu untuk memberi nafkah kepada isterinya, maka hendaklah ia menjaga kesucian dirinya, sebagaimana menerusi Firman Allah :

وليس جازن الذين لا يجدون ما يحسنه من

Maksudnya :

"Dan orang-orang yang tidak mampu berkahwin hendaklah menjaga kesucian (dirinya), sehingga Allah memampukan mereka dengan kurniaNya."
1

111) Haram

Hukum berkahwin menjadi haram bagi orang yang² berkehendak menyakiti perempuan yang akan dinikahi. Begitu juga bagi lelaki yang tidak mampu memberi nafkah atau memberikan mas kahwin kepada isterinya.

Jika lelaki itu tidak menyiksa isterinya walaupun tidak mampu menyara isteri, maka hukumnya harus. Lelaki itu hendaklah terus berusaha untuk mendapatkan

1
al-Qur'an, surah An Nur, 24:33
2
al Husaini, al-Ahwal al Shakhshiyyah, hlm. 27.

rezeki apabila setelah kahwin.

Firman Allah

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ
عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya:

"Kaum lelaki merupakan pemimpin bagi kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka."

1

iv) Makruh

Apabila seseorang tidak mampu untuk memberikan hak-hak sebagai suami isteri yang tiada keinginan untuk berkahwin.² Dalam hal ini adalah makruh baginya berkahwin. Bagi seseorang yang kuat beribadat, jika ia berkahwin menyebabkan ibadatnya kepada Allah terganggu maka makruh baginya berkahwin. Oleh itu ia akan mendapat pahala jika tidak berkahwin tetapi tidak berdosa kalau ia berkahwin.

1

alQur'an, surah Al-Nisaa, 4:34

2

al-Jazim, Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah, juzu' 4, hlm. 7.

Islam sangat menggalakkan umatnya berkahwin agar terhindar dari perbuatan maksiat. Perkahwinan yang mengikut lunas-lunas Islam, Allah akan menimbulkan rasa tenteram dalam rumahtangga. Ahli-ahli fuqaha telah berselisih pendapat sama ada hukum perkahwinan itu wajib ataupun harus. Imam Ahmad Hanbal menyatakan seseorang itu harus berkahwin sekiranya takut terlibat dalam penzinaan. Sebaliknya seseorang itu diwajibkan berkahwin sekali dalam seumur hidup.¹ Perkara ini bergantung kepada kemampuan seseorang. Allah telah berfirman :

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنٍ وَثُلَّةً وَرُبْعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

Maksudnya:

"Maka kahwinilah perempuan-perempuan yang kamu sayangi, dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja atau hamba-hamba yang kamu miliki."

2

¹ Zakariyyah 'Ali Yusuf, 'al-Majmu', al-Ahwal Sharh al-Muhadhdhab, juzu' 5 (Mlslr: Matba'ah al-Imam, 1966), hlm. 285.

²

al-Quran, surah An-Nisaa 4:3

Perkahwinan Menurut Adat Perpatih

2.5 Definasi Perkahwinan

"Kahvin", menurut pengertian ialah perikatan yang sah antara lelaki dan wanita yang seterusnya menjadi suami isteri. "Perkahwinan", pula ialah mengenai perihal berkahvin yang merangkumi adat istiadat, majlis dan hukum mengikut kepercayaan dan budaya di mana sesuatu upacara perkahwinan itu dijalankan. Bagaimana upacara itu dilakukan adalah tertakluk kepada masyarakat itu.

Jika dirujuk kepada beberapa definasi umum pula perkahwinan ialah satu perjumpaan manusia mengikut nilai-nilai agama, norma, adat resam dan budaya di mana perkahwinan itu dijalankan.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Catherine Gaugh yang membuat kajian di India, perkahwinan itu ialah perhubungan di antara seorang wanita dengan seorang atau lebih individu yang boleh memberikan anak kepada wanita, yang dianggap sah oleh persatuan dan perhubungan masyarakat itu sehingga anak itu tidak jatuh kedudukan¹ statusnya dari lapisan masyarakat.

¹ Norhalim b. Ibrahim, Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih Di Daerah Jelebu, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, 1989, hlm. 17.

Definasi yang diberikan oleh Catherine Gaugh menyebut perhubungan di antara seorang perempuan dengan seorang atau lebih individu tanpa menyebut sama ada ia lelaki atau wanita. Ini menunjukkan beliau mengakui wujudnya polienri dan perkahwinan antara wanita bersama wanita.

Definasi perkahwinan yang kebanyakan diterima ialah satu gabungan atau kesatuan di antara satu lelaki atau wanita yang membolehkan anak-anak yang dilahirkan oleh wanita itu dianggap sebagai anak-anak kepada kedua¹ bapanya.

Walau bagaimanapun terdapat kelemahan pada definasi ini kerana dinyatakan perkahwinan seorang lelaki sedangkan terdapat golongan yang membenarkan perkahwinan poligami, polienri, kahwin kelompok, kahwin perempuan sesama perempuan dan berbeza-beza jenis perkahwinan yang jelas tidak menepati istilah syarak.

2.6 Konsep Perkahwinan

Perkahwinan di dalam Adat Perpatih adalah besar ertinya bukan sahaja meluaskan tali kekeluargaan yang

terjalin tetapi juga melibatkannya satu-satu suku perut. Ini adalah kerana masyarakat Perpatih mengamalkan bidang bersuku dan sistem perkahwinan yang bersifat eksogami¹ kahwin mesti dari suku luar.

Masyarakat Perpatih lebih menitikberatkan penyambung tali kekeluargaan antara kedua pihak untuk kesuburan² varis dan seterusnya kekayaan dan kebahagiaan suku. Bagi masyarakat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia seperti kata perbilangan :

Hidup dikandung adat,
mati dikandung tanah.

Tujuan adat ialah untuk kebaikan, adat melahirkan yang baik dan menghapuskan yang buruk. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat.³ Dalam adat, kaum wanita disebut "bunda kandung", ibu yang melahirkan anggota-anggota masyarakat atau "varis pusaka" anggota-anggota yang boleh mewarisi pusaka yang mengembangkan zuriat. Kaum wanitalah yang akan menentukan kualiti generasi akan datang. Baik buruk si anak bergantung kepada ibu.

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Malaysia (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1975), hlm. 133.

² Azizah Kassim, "Wanita Adat Perpatih", Wanita (November, 1978), hlm. 17.

³ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, ed. pertama (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976), hlm. 3.

Kalau kurik induknya,
 Rintik anaknya.
 Kalau keruh air di hulu,
 1
 Sampai ke muara keruhnya.

Konsep perkahwinan menurut Adat Perpatih melibatkan corak penjadohan yang dipandang penting dalam sistem perkahwinan. Jural keturunan yang membentuk unilineal-matrileneal disalur galurkan hanya kepada satu pihak sahaja dengan mengikut nisab suku ibu. Berkait rapat dengan corak ini ialah perkahwinan saudara dekat dan juga perkahwinan dengan orang sekampung.

Fungsi utama dari perkahwinan saudara dekat ini ialah sebagai pengganti suami bagi memiliki harta yang akan diperturunkan nanti. Sebagai contoh jika menantu yang anak buahnya, adalah mesti akan dimiliki oleh anak buahnya bukan orang asing dalam anggota keluarga tersebut. Di samping itu dengan perkahwinan keluarga dekat dapat juga seseorang itu mempunyai hubungan yang rapat dengan anaknya. Ucapan "Kalau sakit pening dapat juga dijenguk-jenguk". Perasaan inilah yang menyatakan hubungan antara anak dan ibu itu begitu rapat sekali.

Konsep suku menurut nasab dari masyarakat Perpatih mempunyai pengertian yang penting. Ini adalah kerana menerusi proses perkahwinan, pihak wanita diberi hak

meneruskan kekeluargaannya (perut dan suku). Ini berarti tanpa perempuan di dalam satu keluarga, maka keluarga itu terputus begitu sahaja. Masyarakat Perpatih begitu mementingkan anak perempuan. Sekiranya tiada anak perempuan, mereka akan mengambil anak angkat sama ada dari bangsa Melayu atau Cina dengan cara berkedin bagi membolehkan anak angkat ini diberi taraf kedudukannya serta tanggungjawab yang sama dengan anak perempuan yang dilahirkan di dalam masyarakat ini.¹

Menurut Adat Perpatih perkahwinan dibenarkan di antara lelaki dan wanita yang bukan sesuku. Ini bertujuan untuk mengekalkan sebutan nama puak atau wilayah asal tempat persaudaraan dalam sesuatu suku yang begitu kental dan padu sehingga kalau berlaku sesuatu kesusahan atau penganiayaan ke atas diri seseorang anak suku, maka suku keseluruhannya akan bangun membela dan mempertahankannya. Begitu juga sebaliknya membuat kebajikan. Adat menggalakkannya hidup secara damai dan saling bekerjasama dalam segala perkara untuk melahirkan nama baik suku.²

¹ Azliah Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, "Kertas kerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih," oleh Majlis Belia Negeri Sembilan pada 9-12hb. April 1974, hlm. 8.

² Hj. Abbas b. Hj. Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat, Kertas kerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih," oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12hb. April, 1974, hlm. 14.

Seseorang yang berkahwin maka dikehendaki ia sebagai orang semenda di suku isterinya. Seperti kata perbilangan,

"Bagai mencari enau,
 enau tetap sigal beranjak,

1

Dalam masyarakat itu orang semenda dianggap sebagai orang luar. Adat Perpatih mengutamakan anak perempuan dalam soal perwarisan tanah adat kerana wanita dianggap lemah dan perlu pertolongan. Oleh itu wanita memiliki tanah-tanah adat yang berupa tanah sawah dan tanah kampung. Lelaki disebut "pipit jantan tidak bersarang."

Justeru itu lelaki yang telah berkahwin meninggalkan tempat asalnya dan menetap di kawasan keluarga isteri. Orang semenda bukan sahaja menumpang tempat tinggal pada keluarga isteri tetapi juga turut mengusahakan tanah-tanah kampung, tanah sawah atau kebun getah kaum keluarga isteri. Walaupun suami dianggap mendatang tetapi ia juga mempunyai kuasa dan kata putus yang melibatkan keluarga kecuali hal-hal yang ada kaitan dengan adat.

Meskipun penentuan pola perwarisan sedemikian, maka seharusnya hubungan perempuan dengan adik beradik lelaki dan kerabat lelaki mungkin memerlukan bantuan saudara

1

Temubual dengan Encik Dahalan Buyung,
 Kampung Ulu Inas pada 30hb. Januari, 1991.

perempuan bila terpaksa balik ke kampung kerana sebab-sebab tertentu seperti bila kematian isteri atau bercerai dengan isteri.¹

Kesimpulannya perkahwinan menurut Adat Papatih mempunyai pengaruh yang mendalam dalam sistem kekeluargaannya. Wanita mempunyai kedudukan yang istimewa seperti dalam peruntukan perwarisan tanah pusaka, keturunan menurut nasab ibu dan sistem tempat tinggal selalunya di tanah pihak perempuan. Meskipun keturunan menurut nasab ibu, kekeluargaan di sebelah bapa adalah diakui dan tidak diketepikan. Di samping itu antara tali persaudaraan perempuan dan kerabat lelaki yang lain akan terus dijaga dengan baik demi untuk mengekalkan keharmonian dalam sistem kekeluargaan.

¹ Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan," hlm. 8.

2.7 Jenis Perkahwinan Dalam Adat Perpatih

Masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih kaya dengan nilai adat dan kebudayaan yang tersendiri. Contoh dapat dilihat apabila terdapatnya berbagai-bagai jenis dan cara adat istiadat perkahwinan. Jenis perkahwinan ini pula boleh dibahagi kepada 2 jenis iaitu perkahwinan biasa dan perkahwinan luar biasa.

Perkahwinan biasa antaranya meliputi perkahwinan adat biasa iaitu Pinang Jujuh, nikah gantung, perkahwinan adat lembaga, perkahwinan adat waris dan sebagainya. Sementara perkahwinan luar biasa antaranya perkahwinan terkurung di dalam atau sesalahan, perkahwinan menyerah dan sebagainya. Berikut akan dibuat penerangan mengenai tiap-tiap bentuk perkahwinan.

(1) Perkahwinan Biasa

(a) Perkahwinan jenis Adat Biasa / Pinang Jujuh

Perkahwinan Adat biasa atau Pinang Jujuh adalah jenis perkahwinan yang biasa dijalankan oleh masyarakat masa kini. Perkahwinan ini dimulakan dengan upacara merisik dual iaitu langkah awal menanyakan ibu bapa seseorang gadis sebelum masuk meminang.

Selepas merisik dual diadakan istiadat meminang di mana rombongan pihak lelaki membawa tepak sirih dan lain-lain hantaran beserta 2 bentuk cincin pertunangan. Apabila kedua pihak bersetuju maka ditetapkan masa untuk mengadakan akad nikah dan kenduri kahwin.

Beterusnya upacara yang dijalankan ialah seperti istiadat berkampung atau berkayu akar, kenduri kahwin, bersanding dan bertandang. Upacara yang terakhir ialah upacara bertandang, pengantin perempuan akan diiringi oleh waris nan sekelilingnya pergi ke rumah pengantin lelaki. Rombongan ini membawa bersama 2 atau 3 boko yang diisi dengan dodol atau wajik sebagai persembahan kepada ibu bapa pengantin lelaki. Tujuannya ialah untuk memperkenalkan pengantin perempuan kepada ibu bapa pengantin lelaki dan waris nan sekelilingnya. Perkahwinan Adat Biasa atau Pinang Jujuh ini tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu.¹

(b) Nikah Gantung

Nikah gantung juga merupakan perkahwinan Adat Biasa yang masih dijalankan oleh masyarakat. Nikah gantung ialah nikah yang mengadakan majlis akad nikah yang mengikut rukun nikah dan diiringi dengan kenduri.

¹ Selamat bin Paigo, "Kenduri Kahwin: Satu Kajian Perbandingan di antara Islam dan Masyarakat Melayu Negeri Sembilan", (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989), hlm. 34-35.

kecil. Kelainan yang terdapat dalam nikah gantung ini pengantin tidak boleh terus bersatu (hidup bersama) tetapi akan diadakan satu majlis adat istiadat menyatukan pasangan pengantin setelah mendapat persetujuan dari kedua belah pihak.

(c) Perkahwinan Jenis Adat Lembaga

Perkahwinan jenis ini diamalkan oleh masyarakat Melayu di Jelebu kebiasaannya dijalankan oleh Dato' Mengiang, Dato Menara Cincang dan dikatakan sebagai jamu lembaga. Semasa majlis ini dijalankan kain putih digunakan. Di rumah yang menjalankan majlis itu mestilah mempunyai ampalan. Dalam menjamu majlis beradat ini seekor kerbau mestilah disembelih. Di samping itu terdapat syarat lain iaitu pelamin yang disediakan mesti tidak boleh lebih dari 2 tingkat. Walau bagaimanapun perkahwinan adat lembaga ini jarang diamalkan sekarang.

(d) Perkahwinan Jenis Adat Waris

Perkahwinan Adat Waris ini juga diamalkan oleh masyarakat Jelebu yang jarang digunakan pada masa ini. Perkahwinan ini dijalankan oleh Dato' Paduka, Dato' Maharaja Enda dan Dato' Maharaja Balang. Ketiga-tiga Dato' ini boleh menyandang Undang. Semasa menjalankan majlis ini kain kuning digunakan. Pelamin yang disediakan

hendaklah 3 tingkat.¹

(ii) Perkahwinan Luar Biasa

(a) Perkahwinan Jenis Berkurung di Dalam / Sesalahan

Perkahwinan ini juga disebut sebagai kahwin sumbang atau kahwin tangkap basah atau kahwin apabila ditangkap berkhawat. Sekiranya terjumpa seorang lelaki dengan seorang gadis atau janda berdua-dua di tempat yang sunyi di luar rumah maka lelaki seperti itu dikenakan kadar biasa mas kahwin. Sebaliknya jika berlaku di rumah, maka lelaki itu perlu membayar sekali ganda dengan keadaan biasa kerana menebus kesalahannya menurut adat kebiasaan sesuatu tempat.²

Pada masa kini pasangan itu biasanya dihadap ke Mahkamah Syariah sebelum dikenakan denda. Majlis yang dijalankan biasanya ringkas dan dihadiri oleh orang yang tertentu sahaja seperti wali, kadi dan saksi. Perkahwinan jenis ini sering berlaku akibat kurangnya didikan agama dan rendahnya nilai-nilai moral di kalangan remaja.

¹

Norhalimb. Ibrahim, hlm. 21.

²

Jamaluddin b. Abdullah, "Nikah Gantung dan Sesalahan," Mastika hlm. 50.

(b) Perkahwinan Jenis Menyerah

Pihak lelaki dengan diiringi oleh 4 atau 5 orang akan pergi sendiri ke rumah perempuan. "Menyerah" di sini bermakna "singkat serambi" iaitu berunding. Perkahwinan tidak melalui proses merisik, meminang atau bertunang. Ibu bapa perempuan mesti menjemput buapaknya terlebih dahulu sebelum menerima atau menolak tujuan kedatangan lelaki itu. Kedua belah pihak kemudian berunding sama ada ingin menjalankan perkahwinan itu atau tidak.

Pada masa yang sama keputusan dari pihak perempuan diberi. Tetapi pada kebiasaannya pihak perempuan menerima kedatangannya. Mengenal maskahwin pula hanya digondok dari biasa dan pihak lelaki menanggung segala perbelanjaan kahwin sebanyak mana yang dituntut oleh ibu bapa perempuan. Perkahwinan jenis ini amat jarang berlaku.

(c) Perkahwinan Jenis Merusah

Keadaan ini berlaku apabila si lelaki mengikut "Adat kehendak hati" yang mengikut perasaan. Lelaki itu membawa senjata sebagai adat mempertahankan diri jika diserang. Sekiranya perempuan itu tidak menerima lamaran lelaki tadi maka si perempuan boleh dibunuh. Jika kata sepakat tidak didapati maka salah seorang sama ada lelaki atau perempuan itu akan mati. Si lelaki ingin menunjukkan

kesungguhannya dan sanggup menanggung risiko untuk mendapatkan gadis idamannya. Terdapat perbilangan adat yang berbunyi,

"Mulut bacar, emas banyak,
hati berani, senjata tajam."¹

Perkahwinan merumah hendaklah diberitahu kepada "Lembaga" yang memutuskan perkara tersebut. Akad perkahwinan pada masa itu juga dan mas kahwinnya juga digandakan dari mas kahwin biasa.

D. Perkahwinan Jenis Mendapatkan

Perkahwinan jenis ini dimulakan oleh pihak perempuan yang pergi ke rumah lelaki yang dikehendaki. Perempuan itu akan menyatakan tujuan kedatangannya iaitu untuk berkahwin dengan lelaki tersebut. Perempuan yang datang ke rumah lelaki itu biasanya hidup sebatang kara atau mualaf yang disingkirkan oleh kaum keluarganya. Walau bagaimanapun perkahwinan ini jarang sekali berlaku. Pihak lelaki hanya perlu membayar setengah daripada mas kahwin biasa.

Kesimpulannya yang didapati ialah pengertian, tujuan dan pelaksanaan perkahwinan adalah berbeza di antara

satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Dengan erti kata lain ianya mesti dibuat berdasarkan kepada konteks masyarakat yang dikaji. Di samping itu dapat dilihat bahawa terdapat beberapa peraturan dan aturcara yang ditentukan oleh orang-orang besar di dalam adat. Peraturan-peraturan inilah yang mengawal ahli masyarakat apabila menjalankan satu-satu pekerjaan demi untuk mendapatkan kesempurnaan dan pengiktirafan dari ahli-ahli masyarakat.

2.8 Hikmat dan Tujuan Perkahwinan

Tujuan perkahwinan dijalankan adalah untuk memenuhi beberapa tuntutan. "lain dulu lain sekarang, lain padang, lain belalang". Konsep tujuan perkahwinan itu berbeza, kerana mengikut masyarakat yang mempunyai adat dan kepercayaan yang tidak sama. Antara tujuan perkahwinan ialah :

1. Memberi pengesahan perhubungan jenis antara lelaki dan perempuan.
2. Mewujudkan ibu bapa yang sah.
3. Perkahwinan adalah satu penyusunan semula terhadap struktur sosial yang melibatkan obligasi dan hak baru kepada orang-orang berkenaan, di samping

menimbulkan perhubungan antara suami dan keluarga isteri, antara isteri dan keluarga suami dan perhubungan keluarga di antara kedua belah pihak.¹

Tujuan perkahwinan mengikut Adat Perpatih adalah untuk menyatupadukan atau melahirkan rasa kesatuan di antara ahli-ahli masyarakat. Di samping itu juga untuk menghindarkan konflik tiga penjuru terhadap seorang wanita melalui ikatan perkahwinan maka wujudlah ikatan persaudaraan di antara satu suku dengan suku yang lain.

2.9 Perbandingan

Dalam huraian mengenai perkahwinan menurut Islam dan Adat Perpatih telah terdapat perbezaan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa konsep Adat Perpatih tidak lari dari konsep Islam kerana perbilangan mengatakan :

"Adat bersendi Hukum,
Hukum bersendi kitabullah."

Perbilangan ini bukan sahaja menjadi sendi tetapi juga selaku perlembagaan Adat Perpatih yang sentiasa menerima kebenaran, secara berani dan tegas. Adat Perpatih telah mengambil Al-Quran yang menjadi sumber perundangan Islam itu sebagai rujukan dan mencari ketentuan hukum. Perbilangan ini amat penting bagi

pemegang adat dan haruslah ianya menjadi perhatian yang berat bagi pemimpin dan tokoh agama, kerana di sinilah pertemuan antara adat dan agama. Penyelarasan antara keduanya harus diusahakan supaya kaum adat dan ulamak Islam seayun dan selenggang dalam menggerakkan hidup di zaman baru dengan berpakaian, kebudayaan yang luhur yang dijiwai oleh Islam. Sekalipun perlaksanaan kata adat di atas tidak selicin dan semurni maksudnya tetapi ia telah pun menjadi tenaga pendorong ke arah hukum Allah.¹

Di dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, perkahwinan memberi kesan yang besar dalam kehidupan suami isteri itu. Adat Perpatih mementingkan perkahwinan yang berbentuk eksogami-kahwin mesti dengan suku luar. Dengan erti kata lain seorang wanita tidak boleh berkahwin dengan lelaki dari suku yang sama. Begitu juga sebaliknya. Bagi pasangan yang melanggarinya, hukumnya akan dirampas segala harta. Pada masa dahulu di setengah tempat pasangan itu dihukum bunuh jika berkahwin dengan perut sendiri. Seperti kata perbilangan :-

"Hidup tidak dipelihara,
Mati tidak ditanam,
Harta diambil,
Tuannya dibunuh."²

2

¹ Ustaz Hashim A. Ghani, Kata-kata Perbilangan dan Tafsirannya, Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih," oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12hb. April, 1974, hlm. 14.

² Temubual dengan Encik Nayan Sudin, Kampung Durian Ulat pada 30hb. Januari 1991.

Perbilangan di atas menunjukkan sesiapa yang melanggar batas-batas adat akan dipulaukan dari anggota masyarakat dan haknya akan dinafikan.

Menurut Adat Perpatih, golongan yang dilarang berkahwin untuk sementara waktu adalah sama dengan Islam. Tidak boleh berkahwin dengan 2 orang perempuan adik-beradik dalam satu masa. Larangan ini ditarik balik setelah isteri meninggal dunia. Tidak juga dibenarkan menghimpun isteri dengan emak saudara sama ada dari pihak bapa atau ibunya.

Rasulullah s.a.w. bersabda

عن أبي هريرة قال . قال رسول الله ﷺ لا يجمع بين المرأة وعمتها ولا بين المرأة وخالتها

Maksudnya:

"Janganlah dihimpunkan di antara perempuan dengan emak saudara dari pihak bapa dan jangan di antara perempuan dengan emak saudara sebelah ibunya."

1

(Riwayat oleh Abu Hurairah)

Adat melarang perkahwinan memadukan kedua perempuan tadi kerana bukan sahaja berdasarkan kepada ikatan persaudaraan tetapi juga kerana ikatan sesuku yakni

bersaudara pada adat. Dari huraian di atas menunjukkan masyarakat Adat Perpatih selain mematuhi hukum Islam juga mevarisi hukum adat.

Jika dilihat dari sudut Islam pula, Islam menggalakkan umatnya berkahwin jika sudah cukup syaratnya. Islam melarang keras menentang dari terjadinya pernikahan sekiranya satu dengan lain sudah suka sama suka dengan cara yang baik.¹

Firman Allah:

فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكَحْنَ أَرْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ
ذَلِكَ يُوعِظُ بِهِ مَنْ كَانَ مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya:

"Maka janganlah kamu halangi wanita-wanita itu nikah dengan (bakal) lelaki mereka apabila mereka telah bersetuju di antara mereka dengan cara yang sopan. Yang demikian itu dijadikan nasihat bagi orang yang di antaranya yang percaya kepada Allah dan kepada hari kemudian."

2

Islam telah menggariskan 2 golongan yang haram dikahwinkan iaitu :-

1

Hj. Mohd. Ali al-Hamidy, Islam dan Perkahwinan edisi pertama (Singapura: al-Haramain, 1980), hlm. 25.

al-Qur'an, surah al Baqarah 2: 232

1. Wanita yang haram dikahwini selama-lamanya
2. Wanita yang haram dikahwini tidak selamanya

Wanita yang haram dikahwini selama-lamanya ialah :-

a) Kerana Hubungan Kekeluargaan.

Sepertimana yang ditentukan dari Firman Allah dengan

jelasNya :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ
وَوَحَلَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ

Maksudnya :

"Diharamkan atas kamu berkahwin dengan ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan bapa kamu, saudara-saudara perempuan ibu kamu, anak-anak perempuan saudara lelaki kamu, dan anak perempuan saudara perempuan kamu..."

1

b) Kerana Hubungan Perkahwinan.

4 golongan wanita itu ialah :

- 1) Anak perempuan isteri dan keturunannya menurut garis ke bawah jika isterinya itu telah digauli.

Firman Allah:

وربيكم القى في جواركم من نساءكم القى دخلتم
بهن فإن لم تكونوا دخلتم بهن فلا جناح عليكم

Maksudnya:

"Dan anak-anak perempuan isteri kamu yang berada di dalam penglihatan kamu, jika isteri kamu telah kamu gauli. Akan tetapi jika isteri kamu itu belum pernah kamu gauli (kemudian terjadi penceraian) kamu tidak berdosa mengahwininya (anak perempuannya)."

1

Diharamkan juga berkahwin dengan ibu mertua, nenek ibu mertua serta seterusnya menurut garis ke atas, sekalipun mereka itu dari isteri yang belum pernah digauli. Pengharaman ini berdasarkan pada Firman Allah S.W.T.

وأمهت نساءكم

Maksudnya :

"Dan ibu-ibu para isteri kamu...."

2

11) Para isteri ayah dan datuk, seterusnya menurut garis ke atas juga termasuk golongan wanita yang harus dikahwini. Pengharaman ini adalah didasarkan pada Firman Allah :-

1

Ibid

2

Ibid

ولا تنكحوا ما نكح آباؤكم من النساء إلا قد سلف

Maksudnya:

"Janganlah kamu mengahwini para wanita yang telah dikahwini oleh ayah-ayah kamu, kecuali yang sudah terjadi di masa lampau."

1

iii) Para isteri anak kandung lelaki (menantu perempuan) dan para isteri cucu lelaki, seterusnya menurut garis ke bawah. Pengharaman itu didasarkan pada Firman Allah:

وخليل أبناؤكم الذين من أصلكم

Maksudnya:

"Para isteri anak-anak kandung lelaki..."¹

c) Kerana Hubungan Persusuan.

Diharamkan perhubungan antara lelaki dan wanita yang sama-sama mempunyai hubungan persusuan (iaitu keduanya pernah disusui oleh seorang wanita). Pengharaman ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.

يحرم من الرضاع ما يحرم من النسب

Maksudnya:

"Diharamkan perkahwinan kerana persusuan begitu juga perkahwinan antara

²
keturunnya."

Dua golongan wanita yang haram dikahwin kerana persusuan berdasarkan nash Al-Qur'amul-Karim, ialah: ibu susuan dan

1

Ibid.

2

Sh. Muhammad Ashraf, Sahih Muslim, volume II (Pakistan: Ashraf Press, Lahore, 1973), hlm. 741.

saudara perempuan seibu susuan. Mengenal hal itu Allah telah menegaskan dengan Firmannya:

وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرَّضْعَةِ

Maksudnya:

"Ibu-ibu yang menyusui kamu dan saudara perempuan kamu sepersusuan."

1

Kesimpulannya, meskipun terdapat larangan yang dicipta oleh pencipta Adat Perpatih untuk berkahwin itu bertentangan dengan Islam, masyarakat terutama orang tua-tua tetap mengamalkannya. Larangan yang dicipta itu dengan tujuan untuk kemaslahatan masyarakatnya. Walaupun begitu terdapat peruntukan yang selari dengan Islam di dalam perkahwinan iaitu segala rupa tengahan menurut Islam adat tetap menegahnya.

BIBLIOGRAFI

AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an al-Karim dan Terjemahannya.

TEKS BAHASA ARAB

Sha'ban, Zakiiyyudin. al-Ahkan al-Shariyyah li al-Ahwal al-Shaksiyyah. Edisi kedua. Libya : Manshurat al-Jam'iah al-Libiyyah, 1971.

al-Sharbini al-Khatib, Muhammad. Mughni al-muhtaj. Juzu'3, Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958.

al-Jaziri, Abdul Rahman. al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arba'ah. Juzu'44. Misr : al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1969.

al-Naisaburi, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi. Mikhtasar Sahih Muslim. Beirut : Dar al-Arabiyyah, 1972.

al-Asqalani, Abu al-Fadhl Ahmad bin Hajar. Bulugh al-Muram' min Adlillah al-Ahkam. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi, 1933.

Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah. al-Jami' al-sahih Sunan al-Tarmizi. Juzu'3. Misr : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1937.

al-Husaini, Ahmad Mustafa Shimal. al-Ahwal al-Shakhsiyyah. (Qahirah : t.pt, 1969), hlm. 27-28.

Zakariyya Ali Yusuf. al-Majmu Sharh al-Muhadhdhah. Juzu'5 dan 15. Misr : Mat ba'ah al-Imam, 1966

TEKS BAHASA MALAYSIA

Abdullah Siddik. Penghantar Undang-undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975.

Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Edisi pertama. Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1976.

H. Md. Ali Alhamidy. Islam dan Perkahwinan. Edisi pertama. Singapura : Bismi Publishers, 1981.

Muhammad Ali Quthb. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1990.

Fachruddin H.S. Terjemahan Hadits Shahih Muslim II, Edisi pertama. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, 1979.

Salyid Sabiq, Fikih Sunnah Edisi pertama. Kuala Lumpur : Victory Agencie, 1990.

Drs. H. Mohamad rifai, Ilmu Fiqh Islam Lemkap, Edisi keempat. Singapura : Pustaka nasional Pte. Ltd. 1988.

Hj. Sulaiman Rasyid, Fiqh Islam, cet. 17, Jakarta, Atthariyah, 1976.

TEKS BAHASA INGGERIS

Abdul Monir b. Yaacob. An Introduction to Malaysian Law. Edisi pertama. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

M.B. Hooker. Readings in Malay Adat Laws. Singapore University of Singapore, 1970.

Sh. Muhammad. Sahih Muslim. Volume II, Pakistan : Ashraf Press, Lahore, 1973.

LATIHAN ILMIAH

Norplisah Mohd Nor. "Istiadat perkahwinan dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985.

Selamat bin Paigo. "Kenduri Kahwin : Satu Kajian Perbandingan Di antara Islam dengan Masyarakat Melayu Negeri Sembilan," Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989.

KERTASKERJA-KERTASKERJA

Abbas bin Hj. Ali, Tuan Hj. "Sebahagian Dari Dasar Adat." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12hb April 1974.

Azizah Kassim. "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan." Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih oleh Majlis Belia Negeri Sembilan, 9-12 April 1974.

Mustafa bin Hj. Ahmad, Dato'Hj. "Adat Perpatih dan syarak di Negeri Sembilan," Kertaskerja Seminar Adat Perpatih oleh Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, UKM Bangi, 17-18 September, 1988.

RENCANA


Aliyah. "Rahsia Mak Andam Menjadikan Pengantin Bersen. di Pelamin." Keluarga. (Disember 1977).

LAIN-LAIN SUMBER

Azizah Kassim. "Wanita Adat Perpatih." Wanita (November 1988).

"Nikah Gantung dan Sesalahan" Mastika
(Oktober 1958).

Norhalim b. Ibrahim. "Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih Di Daerah Jelebu". Tanpa penerbit, 1989.



LAMPIRAN B

Adat (maskahwin) di Luak Ulu Muar.

Sebelum 1904 - anak dara \$ 7.00, janda \$ 4.00.

1904 - 1951 - anak dara \$ 20.00, janda \$ 10.00.

Selepas 1951 - anak dara \$ 28.00, janda \$ 14.00.

Mulai 1985 maskahwin adalah seperti berikut

Maskahwin - \$ 48.00 (anak dara), \$ 20.00 (janda)

Wall/upah nikah - \$ 15.00.

Saksi - \$ 20.00.

Pengiring adat - \$ 44.00.

Masuk Kariah - \$ 10.00.

Register - \$ 5.00.

Bayaran pengiring adat pula adalah seperti berikut :-

Buapak - \$ 14.00.

Orang menjemput - \$ 20.00. (\$ 10.00 seorang semenda)

Waris Soko - \$ 10.00.

Adat (maskahwin) di Luak Rembau sbelum 1901 adalah seperti berikut :-

BIL.	SUKU	ANAK DARA	JANDA	ANAK DARA	JANDA
		(BIASA)		(SEGALAHAN)	
1.	Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$ 23.00	\$ 11.00

2.	Paya Kumbuh (Sri Melenggang dan Agam Baroh)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
3.	Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
4.	Tiga Nenek	\$ 7.00	\$ 4.20	\$23.80	\$11.90
5.	Biduanda Waris	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
6.	Batu Hampar Petani	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
7.	Anak Melaka	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
8.	Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$18.00
9.	Anak Aceh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
10.	Sri Melenggang (Kedung)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
11.	Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BAHAGIAN DARAT

12.	Paya Kumbuh	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
13.	Sri Lemak	\$ 7.00	\$ 4.20	\$28.00	\$14.00
14.	Sri Melenggang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.20	\$ 8.40
15.	Batu Belang	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
16.	Biduanda Waris Jakun	\$10.50	\$ 7.00	\$42.00	\$21.00
17.	Batu Hampar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
18.	Mungkal	\$ 7.00	\$ 4.00	\$16.80	\$ 8.40
19.	Tanah Datar	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40

BIL.	SUKU	ANAK DARA JANDA		ANAK DARA JANDA	
		(BIASA)		(SESALAHAN)	
20.	Tiga Batu	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
21.	Sri Melanggang (Minangkabau)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40
22.	Sri Melanggang (Miku)	\$ 7.00	\$ 4.20	\$16.80	\$ 8.40


Nilai matawang adalah mengikut nilai matawang sekarang.
(1989)

(Sumber: C.W.C. Parr & Mackray W.H., 1910), Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution & Customs. Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society 56: 1-57 D 1910.

Menurut keterangan Yang Teramat Mulia Dato' Abdul bin Ali D.T.N.S. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitlavan Undang Luak Johol ke XIII, maskahwin bagi Johol telah diselaraskan semasa pemerintahan Dato' Undang Johol yang ke 12, iaitu Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Som :

- i) maskahwin rakyat biasa \$60
- ii) maskahwin waris lembaga \$80
- iii) maskahwin waris berundang \$120

Manakala maskahwin bagi janda pada kebiasaannya ialah setengah harga maskahwin biasa atau mengikut persetujuan kedua belah pihak.



خاتن اوردغ دان فليكان غاده دان استعاده اوردغ ملا اولواق چيني

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LUAK JELEBU

PEPAUH BERTUNANG LANANG

BAHAWA SANYA Kami.....bin.....
(K.P. No:.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
binti.....(K.P. No:.....) dalam anak buah/Lingkungan
To.....Perut.....Waris.....Suku.....
bersama/ dengan.....bin.....
(K.P. No:.....) Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan.....
bin.....(K.P. No:.....) dalam anak buah/Lingkungan
To.....Perut.....Wans.....Suku.....
adalah bersama-sama bersetuju membuat Pengakuan bagi mengukuhkan lagi Pepauh Bertunang Lanang yang
sama-sama kita pusakal dari Datuk Nenek kita zaman berzaman (berhulur jawab):-

- i. Cincin penanya.
- ii. Cincin mengikat kata.
- iii. Cincin tanda pertunangan.

dan

untuk menepati kata pepatah

"HUKUM BERSAKSI, ADAT BERKETERANGAN"

oleh itu maka tiap-tiap berhulur jawab tiga jenis barang-barang di atas hendaklah disertakan Surat Belianya
(surat penilalan yang sah) maka diterima.

Bahawa sanya dengan pemberian dan penerimaan tanda-tanda pertunangan ini maka kami kedua-dua belah
pihak bersetuju membuat ketetapan laltu bahawa lempoh/tarikh akan disatukan kedua-dua pasangan kepada
pertunangan ini ialah.....

Adapun syarat-syarat kepada Perjanjian ini pula adalah seperti berikut:

- (a) Jika helah lelaki luncur Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si lelaki membayar Adat (mas kahwin) dan cincin tanda itu hendaklah dikembalikan oleh
pihak si perempuan, serta pihak si lelaki membayar Wang Pampasan seperti berikut:

	i	Waris Berundang	\$800.00
dan	ii	Waris Lembaga	\$700.00

- (b) Jika helah perempuan menggandakan Adatnya:
ertinya hendaklah pihak si perempuan membayar Adat (mas kahwin) ganda dan cincin tanda hendaklah
dikembalikan dengan tanda membayar apa-apa Wang Pampasan.

(c) Jika cacat cida berkembali:

ertinya dalam masa pertunangan terdapat cacat cida antara salah seorang (pihak lelaki atau pun pihak perempuan) maka batallah janji, iaitu kembali seperti sedia kala, dan cincin tanda hendaklah dikembalikan, kecuali jika antara kedua-dua pihak menyambung semula Perjanjian itu tiada apa-apa perjanjian di dalam Adat.

(d) Jika sawan gila luar janji:

ertinya melakukan perbuatan sumbang dengan lunangnya adalah salah pada Aturan Adat mereka yang melakukannya akan dihukum mengikut Adat.

(e) Jika si perempuan dinaiki orang atau diserah atau dikerumah:

Maka si perempuan hendaklah lan menyelamatkan diri ke rumah emak/bapa atau pun ke rumah wans nan kadim pihak si lelaki.

(f) Begitu juga si lelaki jika didapatkan oleh perempuan:

Maka si lelaki hendaklah lan menyelamatkan diri ke rumah ibu/bapa lunangnya ataupun ke rumah wans nan kadim pihak si perempuan.

(g) Jika didapatkan apa-apa kesusahan yang besar, mungkin mengendalikan tarikh penyaluannya oleh salah satu pihak maka bolehlah "sela menyela".

ertinya buallah perundingan tolak-ansur bagi mendapatkan tarikh yang sesuai bagi penyatuan yang muktamad.

Sekianlah keterangan dan persetujuan kami kedua-dua pihak, maka kami perturunkan tandatangan kami sebagai mengesahkan apa-apa yang ternyata di atas.

Waris nan Kadim, Harta Nan Bertuan
Pihak si Lelaki

Waris nan Kadim, Harta nan Bertuan
Pihak si Perempuan

Saksi 1:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Saksi 2:.....
(Nama Penuh:.....)
(K.P. No:.....)

Disahkan oleh

Buapak
(Mohor/Cap)

Termaktub pada
bertamaman dengan

haribulan.....
haribulan

lahun.....
lahun

(Masah)
(Harah)

NEGERI SEMBILAN

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK TAHUN 1960
(Bil. 15 Tahun 1960)

DI DALAM MAHKAMAH KADI BESAR/KADI DAERAH

Di

PERKARA JENAYAH Bil. TAHUN 19.

SAMAN KEPADA YANG KENA TUDUH
(Fasal 57 (1))

Kepada,

.....
dari.....

Kamu adalah dikehendaki menghadirkan diri dalam Mahkamah Kadi Besar/
Kadi Daerah.....di.....
pada jam..... pagi/petang pada hari.....bersamaan dengan
.....haribulan..... 19.....dengan tidak boleh tidak bagi
menjawab tuduhan/tuduhan-tuduhan seperti berikut:

Tertulis padaharibulan..... 19.....

*Md.
Sahib
&
Wan
Rohaida*

15

Februari

1991

WALIMATUL URUS

WAN RAMLI HAJI WAN ABIDUL RAHMAN

dan
KUTNI HAJI SULAIMAN

Dengan segala hormatnya mempergilakan

Tuan/Puan suami/isteri/keluarga
ke Mela Perkahwinan anak perempuan kami

WAN ROHAIDA WAN RAMLI

dengan

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

di dalam

No. 22 Taman Dato' Wan,
Seremban, N. Sembilan,

pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,
bersamaan 1 Syaban 1411

Sebagai unggun kebajikan Tuan/Puan
akan memajikan lipa maki kami

Terima kasih

Turut Mengundang:
Seisi Keluarga

Aturcara Majlis:
12.00 - 4.00 pet. Jamuan Makan

WALIMATUL URUS

HAJI MD. ALI AHMAD

dan

HAJJAH SABIHAH HAJI ABDUL GHANI

Dengan segala hormatnya mempergilakan

Tuan/Puan suami/isteri/keluarga
ke rumah kami di alamat:

14 Jalan Setiabistari,
Bukit Damansara, Kuala Lumpur,
pada hari Jumaat 15hb Februari 1991,
bersamaan 1 Syaban 1411

kerana mengadakan jamuan makan malam sempena
perkahwinan adik lelaki kami

MD. SAHIB HAJI ABDUL GHANI

dengan


WAN ROHAIDA WAN RAMLI

Semoga dengan kehadiran Tuan/Puan akan
menyerikan lagi majlis kami

Terima kasih

Turut Mengundang:
Seisi Keluarga

Aturcara Majlis:
8.30 min. Jamuan Makan



جَانَّ اَوْدَعْدَ دَانْ فِرْلَتَكَانْ غَادَرْدَانْ اِسْتَاْدَاةَ اَوْرَغْ مَلَايُوْلُوْاقْ جَلْبُوْ

JABATAN UNDANG DAN PERLEMBANGAAN ADAT DAN ISTIADAT
ORANG MELAYU LUAK JELEBU

LAFAZ IKRAR ORANG SEMENDA

BAHAWASANYA saya bin.....
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku yang
diakad nikahkandengan binti.....
(K.P. No:), anakbuah To' dalam Perut
..... Waris Suku
adalah dengan ini mengaku patuh dan mengikut Adat Semenda Menyemenda seperti kata pepatah "Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak".

Saya telah lersemenda kepada Dato'/Tempat Semenda di sini, oleh itu maka epa saya Adat Rasm di sini sangguplah saya menyesuaikan diri mengikut Adat dengan Aturannya.

Sekianlah Lafaz saya dihadapan saksi-saksi adanya.

Saya yang benar,

(Tandatangan Orang Semenda).

Disaksikan oleh :

1.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)
2.
(Nama Penuh:)
(K.P. No:)

Disahkan oleh :

Buapak
Mohor/Cap

Termaktub pada
bersamaan dengan

haribulan
haribulan

tahun
tahun

(Masahil)
(Hiljah)